

05 AUG 2003

Syed Hamid-Rusia/I

HUBUNGAN M'SIA-RUSIA DIPERTINGKATKAN OLEH PERBINCANGAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 5 Ogos (Bernama) -- Hubungan antara Malaysia dan Rusia sedia memasuki fasa baru dengan ikrar untuk bekerjasama dalam bidang-bidang seperti pertahanan, aeroangkasa, ekonomi, pendidikan dan memerangi keganasan dibuat semasa perbincangan yang diketuai Presiden Vladimir Putin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kemuncak perbincangan peringkat tinggi antara Kuala Lumpur dan Moscow di Jabatan Perdana Menteri di sini ialah majlis menandatangani kontrak bernilai AS\$900 juta bagi pembelian 18 pesawat perang Sukhoi yang akan dihantar mulai tahun 2006.

Dalam taklimatnya kepada media berhubung hasil perbincangan itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Rusia berikrar untuk membantu Malaysia dalam melancarkan satelit dan merealisasikan matlamatnya untuk menghantar angkasawan ke angkasa lepas.

Semasa ditemui pemberita sebelum itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Malaysia, pada 2005, akan melancarkan program bagi menghantar angkasawannya yang pertama untuk mengambil bahagian dalam misi angkasa Rusia sebagai sebahagian dari program bagi mengimbangi pemerolehan pesawat-pesawat berkenaan.

Syed Hamid juga berkata Malaysia melihat terdapat kemungkinan bagi pengeluaran kereta nasional Proton mendirikan kilang di Rusia.

"Tambahan pula, kedua-dua pihak ingin melihat agar jumlah dagangan dipertingkatkan," katanya. Dagangan dua hala berada pada RM1.34 bilion tahun lepas, dengan imbangan dagangan memihak kepada Rusia.

Mesyuarat delegasi Malaysia-Rusia diikuti oleh perbincangan tertutup antara Dr Mahathir dan Putin, yang selepas itu menganugerahkan "Orden Drusby" (Anugerah Persahabatan), iaitu anugerah tertinggi kerajaan Rusia kepada Dr Mahathir terhadap usahanya dalam memperkukuhkan hubungan dua hala.

Dalam bidang pendidikan pula, menteri itu berkata Rusia memohon agar Malaysia mempermudah pengiktirafan ijazah Rusia di sini.

"Mereka juga inginkan agar kita meneroka bidang-bidang lain semasa menghantar pelajar-pelajar kita ke Rusia, bukan sekadar dalam pengajian perubatan sahaja," kata beliau lagi.

Sambil mengambil kira bahawa bahasa Rusia sebagai bahasa pengantar, beliau berkata kedua-dua pihak berminat terhadap kemungkinan menubuhkan sebuah pusat bahasa Rusia di negara ini.

Pada masa ini terdapat kira-kira 400 pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian tinggi mereka di pelbagai universiti di Rusia.

Sebagai tambahan, Syed Hamid mendedahkan bahawa Rusia akan bekerjasama dengan Malaysia dalam usaha memerangi keganasan serantau.

Perbincangan antara Dr Mahathir dan Putin, katanya, turut memberikan tumpuan kepada isu-isu antarabangsa termasuk Iraq dan situasi di Asia Barat.

Mengenai Iraq, menteri itu berkata kedua-dua pemimpin berkongsi pandangan bahawa serangan terlebih awal di negara itu oleh pakatan yang diketuai Amerika Syarikat mungkin bukan merupakan tindakan yang paling sesuai memandangkan tiada senjata pemusnah besar-besaran yang ditemui di sana.

"Dan Perdana Menteri telah memaklumkan kepada beliau (Putin) bahawa kita tidak akan terbabit dalam pembangunan semula Iraq kecuali dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan," katanya.

Syed Hamid berkata Rusia dan Malaysia bersetuju bahawa dalam usaha bagi membolehkan anggota lain di kalangan masyarakat antarabangsa mengambil bahagian secara konstruktif di Iraq, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu memainkan peranan penting terhadap Iraq selepas pencerobohan.

"Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa cara untuk membantu Iraq ialah dengan meletakkannya di bawah kawalan PBB sepenuhnya agar sebuah pasukan antarabangsa boleh masuk ke negara itu," kata beliau.

Berikutan situasi semasa yang tidak memuaskan, beliau berkata Dr Mahathir dan Putin sependapat terhadap keperluan bagi badan dunia itu untuk memainkan peranan utama dalam hubungan antarabangsa dan dalam mendukung sistem multilateral.

Mengenai pergolakan di Chechnya, Syed Hamid berkata Malaysia menganggapkan perkara itu sebagai masalah dalaman Rusia.

"Apa yang kami ingin lihat ialah satu penyelesaian yang aman dalam isu membabitkan Chechnya," katanya.

-- BERNAMA
MAM SHI ROS